

Ruj. Kami : JHEAT. 02-008/3 Bhg. 25 ( )  
Bertarikh : 29 Zulkaedah 1440  
Bersamaan : 1 Ogos 2019

*Assalamualaikum wr. wbt.,*

## **PEMBERITAHUAN**

Tuan/Puan,

### **SKIM HAFAZ AL-QURAN DEWASA TERBUKA NEGERI TERENGGANU PENGGAL KEDUA TAHUN 1440H/2019M**

Adalah dimaklumkan kepada muslimin dan muslimat sekalian bahawa Kerajaan Negeri Terengganu melalui Jabatan ini akan mengadakan **SKIM HAFAZ AL-QURAN DEWASA TERBUKA NEGERI TERENGGANU PENGGAL KEDUA** tahun 2019.

2. Dalam kaitan ini, adalah dipelawa kepada sesiapa yang berminat dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan menyertai program ini sebagaimana berikut :-

- i. Beragama Islam.
- ii. Rakyat Negeri Terengganu yang **bermastautin** di negeri ini.
- iii. Tahap minima hafaz adalah **tidak kurang dari 7 juzu' pertama** mengikut susunan mashaf.
- iv. Berumur tidak kurang dari **18 tahun dan tidak melebihi 29 tahun** bagi mereka yang memohon tahap di bawah 30 juzu'.
- v. Seseorang yang berumur **30 tahun dan ke atas** hendaklah memasuki tahap 30 juzu'.
- vi. Mana-mana pelajar dan Lulusan Maahad Tahfiz atau mana-mana Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran atau yang seumpama dengannya yang ingin menyertai ujian ini hendaklah memasuki ujian tahap 30 juzu'.
- vii. Bersedia dan sanggup memberi sumbangan sukarela di **Negeri Terengganu** sahaja iaitu di tempat-tempat yang diarahkan atau dipersetujui oleh Jabatan sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Penyertaan masyarakat/kanak-kanak (pelajar-pelajar tuan/puan) dalam sumbangan tersebut hendaklah melebihi 10 orang. Sumbangan bermaksud :
  - a. Pengajaran Kelas Al-Quran.
  - b. Kelas Fardhu Ain.
  - c. Mengajar Bahasa Arab.
  - d. Mengajar Ilmu Tafsir Al-Quran, Tajwid, Feqah dan lain-lain.
- viii. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang JHEAT/D 2019 yang boleh didapati dari Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (Bahagian Dakwah) dan Pejabat Agama Daerah masing-masing dan juga boleh didapati dengan melayari laman web **<http://jheatweb.terengganu.gov.my>** Bagi Hafiz/pemohon 30 juzu' hendaklah mengisi Borang Maklumat Sumbangan Sukarela berkembar.

3. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke **Pejabat Agama Daerah** masing-masing sebelum **15 Ogos 2019**.
4. Untuk keterangan lanjut sila berhubung melalui alamat atau telefon sepertimana berikut :-

<b>BIL.</b>	<b>ALAMAT DAERAH</b>	<b>NO. TELEFON</b>
1.	Bahagian Dakwah, Tingkat 4, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu.	09-6252525 Samb. 5365/5372
2.	Pegawai Agama Daerah Kuala Terengganu, Pejabat Agama Daerah Kuala Terengganu, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu.	09-6252525 Samb. 3021
3.	Pegawai Agama Daerah Kemaman, Pejabat Agama Daerah Kemaman, 24000 Kemaman.	09-8591262
4.	Pegawai Agama Daerah Dungun, Pejabat Agama Daerah Dungun, 23000 Dungun.	09-8481255
5.	Pegawai Agama Daerah Besut, Pejabat Agama Daerah Besut, 22200 Besut.	09-6956249
6.	Pegawai Agama Daerah Hulu Terengganu, Pejabat Agama Daerah Hulu Terengganu, 21700 Hulu Terengganu.	09-6811215
7.	Pegawai Agama Daerah Marang, Pejabat Agama Daerah Marang, 21600 Marang.	09-6182317
8.	Pegawai Agama Daerah Setiu, Pejabat Agama Daerah Setiu, 22100 Setiu.	09-6099504

Sekian, terima kasih.

**“ TERENGGANU MAJU, BERKAT SEJAHTERA ”**  
**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AHMAD AZHAR BIN HARUN @ MUSA)**  
b.p. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama,  
Terengganu